

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sebutan merupakan satu elemen yang penting dalam pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, Membeczka (2008) menyatakan bahawa pengajaran sebutan seringkali diabaikan di dalam silabus pembelajaran bahasa asing. Pelajar- pelajar juga selalu mengabaikan sebutan mereka. Mereka fikir, apabila mereka dapat memahami tatabahasa yang diajar, dapat menghafal kosa kata dan seterusnya dapat menjawab soalan ujian dengan baik, maka mereka telah dapat menguasai pembelajaran bahasa tersebut. Seseorang pelajar itu mungkin boleh menguasai tatabahasa dengan baik, tetapi apabila menyebut sesuatu perkataan dengan sebutan yang salah, perkataan tersebut mungkin tidak dapat difahami. Sedangkan sebutan sangat mempengaruhi keseluruhan proses komunikasi yang menggunakan sesuatu bahasa.

Dalam konteks pendidikan bahasa asing, pelbagai kaedah telah diperkenalkan untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Setiap kaedah baru yang diperkenalkan sudah pasti mempunyai kebaikan dan kelemahan.

Di UiTM, salah satu subjek bahasa asing yang diajar ialah bahasa Arab. Penekanan kursus bahasa Arab yang ditawarkan ini lebih kepada komunikasi harian. Setelah menamatkan kursus-kursus bahasa Arab, mereka seharusnya dapat menunjukkan kemahiran oral dan dapat berkomunikasi dalam bahasa ini secara berkesan. Dalam kursus-kursus bahasa Arab yang ditawarkan, pelajar-pelajar akan diperkenalkan dengan sistem transliterasi huruf-huruf arab kepada huruf-huruf roman.

Transliterasi menurut Kamus Linguistik (1997, p. 218) ialah “proses atau hasil mengalihkan tanda grafik daripada satu sistem tulisan kepada sistem yang lain.” Contohnya, mengalih huruf daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi. Transliterasi membantu pelajar-pelajar bahasa asing menyebut sesuatu perkataan yang pada awalnya mustahil untuk disebut disebabkan tulisan yang asing.

Kaedah transliterasi telah digunakan dalam pembelajaran bahasa asing di UiTM termasuk bahasa Arab sejak tahun 2003. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, tujuan kaedah ini diperkenalkan ialah untuk menarik minat mempelajari bahasa Arab serta membantu pembelajaran supaya menjadi lebih menarik dan mudah. UiTM merupakan institusi perintis yang menggunakan kaedah transliterasi ini sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, IPTA dan IPTS (UiTM, 2004, p. vii).

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sejauh mana kaedah ini dapat memberi kesan kepada pembelajaran sebutan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar bahasa ini.

1.2 Penyataan Masalah

Ramai pelajar bahasa Arab sebagai bahasa ketiga menghadapi masalah dalam menyebut sebutan dalam bahasa tersebut. Masalah ini jelas dihadapi oleh para pelajar ketika menyebut huruf-huruf yang tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka (Rahman, 1999). Sebagai contoh, mereka sukar membezakan huruf-huruf yang hampir sama seperti huruf da:l (د) dan ḍa:d (ض) , huruf ha:’ (ه) , ḥa:’ (ح) dan kha:’ (خ) , huruf ta:’ (ت) dan ṭa:’ (ط) , huruf qa:f (ق) dan ka:f (ك) , huruf dha:l (ذ) dan za:y (ز) dan lain-lain huruf

yang mengelirukan. Tambahan pula, perbezaan fonem boleh memberikan pengaruh yang kuat dalam perbezaan makna di dalam bahasa Arab.

Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang menggunakan kaedah transliterasi masih baru. Memandangkan UiTM merupakan institusi pertama yang menggunakan kaedah ini dalam buku teks bahasa Arab, maka wajarlah kajian dilakukan untuk mengkaji penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Walaupun telah terdapat beberapa kajian terdahulu, kajian susulan yang lebih mendalam dan fokus perlu dilakukan sesuai dengan saranan pengkaji-pengkaji sebelumnya.

Berdasarkan kajian yang telah lepas dan pemerhatian pengkaji, terdapat beberapa masalah dalam penggunaan kaedah ini. Sebagai contoh, kajian yang telah dilakukan oleh Ahmad Marzuki (2006) telah mendapati kebanyakan pelajar bahasa Arab tidak menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan kaedah ini. Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya membuktikan kelemahan kaedah ini.

Pada asalnya, transliterasi diperkenalkan untuk memudahkan dan menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa asing secara umum dan bahasa Arab secara khusus. Tambahan pula, di Malaysia sendiri bahasa Arab juga diminati dan dipelajari oleh bangsa dan kaum lain selain dari bangsa Melayu yang beragama Islam. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa pembaharuan dalam pengajaran bahasa Arab perlu dipelbagaikan untuk menarik minat mempelajarinya.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, transliterasi merupakan alat bantu yang sangat praktikal, khususnya bagi pelajar-pelajar yang

menggunakan sistem huruf yang berlainan dengan bahasa asing yang dipelajari. Dalam pembelajaran bahasa Arab secara khususnya, ia sangat membantu bagi mereka yang tidak mempunyai asas pengetahuan langsung tentang huruf-huruf dalam bahasa Arab. Penggunaan kaedah transliterasi boleh dianggap sebagai permulaan mempelajari bahasa Arab dari aspek fonetik atau sebutan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks pelajar-pelajar UiTM yang majoritinya berbangsa Melayu dan beragama Islam, kaedah ini kadangkala boleh mengganggu pelajar-pelajar ini. Tambahan pula, terdapat sebahagian besar daripada mereka yang mempunyai asas dalam mempelajari sebutan bahasa Arab sama ada di sekolah rendah dan sekolah menengah, mahupun yang telah mendapat pendidikan membaca Al-Quran seperti di kelas-kelas mengaji Al-Quran dan sebagainya.

Melalui pemerhatian pengkaji semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, apabila pelajar disuruh membaca atau menyebut sesuatu perkataan, mereka lebih cenderung untuk menggunakan transliterasi untuk membantu mereka menyebut dan membaca dalam bahasa Arab. Keadaan ini terjadi bukan sahaja terjadi di kalangan pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab, malah pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam huruf-huruf bahasa Arab juga cenderung untuk menggunakan transliterasi tanpa mencuba menyebutnya dalam huruf asal. Ini kerana mereka masih keliru dengan bunyi-bunyi huruf, lebih-lebih lagi huruf-huruf yang hampir sama dan tidak ada dalam bahasa ibunda mereka. Apa yang berlaku, apabila mereka menyebut sesuatu perkataan dengan menggunakan transliterasi, bunyi sebutannya agak janggal dan kurang tepat.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kesan penggunaan kaedah ini dalam pembelajaran sebutan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar. Diharap dapatan kajian ini nanti akan memberikan kesan dalam memantapkan lagi bidang pendidikan bahasa asing khususnya bahasa Arab di Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

1. Mengetahui adakah penggunaan kaedah transliterasi dapat membantu pelajar menguasai sebutan bahasa Arab.
2. Mengetahui masalah yang timbul dalam pembelajaran sebutan bahasa Arab melalui penggunaan kaedah transliterasi.
3. Mengetahui langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam pembelajaran sebutan melalui kaedah transliterasi.

1.4 Persoalan Kajian

1. Adakah penggunaan transliterasi dapat membantu para pelajar menguasai sebutan bahasa Arab?
2. Apakah masalah yang timbul kepada pelajar dalam mempelajari sebutan bahasa Arab melalui penggunaan kaedah transliterasi?
3. Jika terdapat masalah yang timbul, bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah-masalah tersebut?

1.5 Kepentingan Kajian

Kaedah penggunaan transliterasi meskipun telah digunakan secara meluas, namun di dalam pembelajaran secara formal dan penyediaan buku teks ia masih boleh dianggap baru. Oleh itu, kajian ini adalah sangat penting kerana sesuatu kaedah yang dikemukakan mempunyai kebaikan dan kelemahannya tersendiri.

Justeru, adalah amat penting bagi penyelidik menjalankan kajian ini. Ini kerana, kajian ini mempunyai kepentingan seperti berikut:

- 1) Untuk membantu para pelajar menggunakan kaedah transliterasi dengan betul dalam mempelajari sebutan bahasa Arab.
- 2) Untuk membantu para pengajar membuat penambahbaikan dalam penggunaan kaedah transliterasi sebagai alat bantu dalam pembelajaran sebutan bahasa Arab di kalangan para pelajar.
- 3) Untuk mencadangkan penambahbaikan kepada penel penulis buku teks dalam penyediaan buku teks bahasa Arab yang menggunakan kaedah transliterasi.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar UiTM kampus Dungun yang mengambil subjek bahasa Arab sebagai bahasa ketiga pada semester 2 sesi 2009/2010 sahaja. Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada mereka yang mengambil subjek bahasa Arab dalam tahap pertama bagi peringkat diploma sepenuh masa sahaja. Teks rasmi yang digunakan dalam pembelajaran ialah kitab *Al Tawji:h fi: Al □Arabiyyat* Al

□ *Ittiṣa:liyyaṭ siri 1* iaitu kitab yang digunakan sebagai teks utama dalam pembelajaran subjek bahasa Arab peringkat pertama untuk diploma.

Unsur fonetik yang dikaji hanyalah melibatkan sebutan yang mengikut makhrāj dan sifat huruf, mora iaitu panjang pendek atau juga disebut harakat sahaja dan tidak melibatkan unsur-unsur sebutan yang lain seperti intonasi, tekanan (stress) ataupun lain-lain unsur sebutan yang lain. Huruf-huruf tersebut termasuklah kesemua huruf konsonan dan juga vokal dalam bahasa Arab.

Oleh kerana responden kajian ini hanya terhad kepada pelajar-pelajar bahasa Arab di UiTM kampus Dungun sahaja, maka dapatan kajian ini tidak menyeluruh dan tidak dapat digeneralisasikan ke atas semua kampus cawangan yang menawarkan kursus bahasa Arab. Dapatan kajian ini hanya merupakan satu rujukan dalam usaha penambahbaikan kualiti pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga khususnya dan pembelajaran bahasa-bahasa asing yang lain secara amnya.

1.7 Definisi Terma

- i. **Transliterasi** : proses atau hasil mengalihkan tanda grafik daripada satu sistem tulisan kepada sistem yang lain (Ramli, et al., 1997). Dalam kajian ini, transliterasi yang dimaksudkan adalah pemindahan skrip bahasa Arab kepada tulisan rumi untuk tujuan pengekatan istilah dan sebagainya.
- ii. **Sebutan**: sebutan merujuk kepada cara sesuatu perkataan disebut, atau sesuatu bahasa itu dituturkan, atau cara bagaimana seseorang mengujarkan sesuatu perkataan (Hornby, 1995).

1.8 Penutup

Banyak usaha telah dilakukan untuk penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia, khususnya di UiTM. Walau bagaimanapun, pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap bahasa ini secara keseluruhannya masih belum boleh dibanggakan.

Kaedah yang digunakan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian para pelajar. Begitu juga dengan kaedah transliterasi yang sedang digunapakai di UiTM masih memerlukan kajian-kajian lanjutan untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan dalam kaedah tersebut.

Kajian ini akan cuba mengupas kesan penggunaan kaedah transliterasi dalam penguasaan kemahiran sebutan di kalangan pelajar, mengenal pasti masalah-masalah yang timbul serta akan mencadangkan langkah-langkah yang sewajarnya untuk menangani masalah-masalah tersebut.